

Koleksi Arab di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya

Abdul Kadir bin Haji Muhammad*

Abstrak: Tujuan mewujudkan sebuah koleksi khas berbahasa Arab di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya ialah untuk menyokong rancangan pengajaran dan pembelajaran. Pada mulanya, koleksi ini digunakan oleh mereka dalam Jabatan Pengajian Islam. Peranannya bertambah setelah tertubuhnya Akademi Islam pada 1981, lebih-lebih lagi buat masa sekarang dengan semua pelajar tahun pertama hingga tahun keempat dari kedua-dua fakulti Syariah dan Usuluddin berada di kampus utama di Kuala Lumpur. Sebelum ini mereka menuntut di kampus Nilam Puri, Kota Bharu. Koleksi berbahasa Arab yang kini berjumlah sebanyak 6,000 buah jilid terdiri daripada karya-karya mengenai pengajian Islam, bahasa dan kesusastraan Arab.

Abstract: The objective of creating a special Arabic collection in the Main Library of the University of Malaya is to facilitate the teaching programme. Initially, this collection served to support the teaching programme in the Islamic Studies Department. Its role has become increasingly important after the setting up of the Akademi Islam in 1981, and more so now since all students from years one to four from the Syariah and Usuluddin faculties are at the main campus in Kuala Lumpur while prior to that they were at the branch campus in Nilam Puri, Kota Bharu. The collection, numbering some 6,000 volumes, comprises works on Islamic studies, Arabic language and literature.

Matlamat

Matlamat pengwujudan koleksi Arab di Perpustakaan Utama Universiti Malaya adalah sama dengan pengwujudan lain-lain koleksi, iaitu untuk membantu para pensyarah dan siswa dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Pada peringkat awal, koleksi ini diwujudkan untuk menyokong pengajaran di Jabatan Pengajian Islam di Universiti Malaya. Peranan yang dimainkan oleh koleksi Arab ini bertambah penting setelah tertubuhnya Akademi Islam Universiti Malaya pada tahun 1981, lebih-lebih lagi pada masa sekarang di mana keseluruhan mahasiswa dari tahun 1–4 dari Fakulti Syariah dan Usuluddin telah ditempatkan di kampus utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur, sedangkan sebelum dari ini sebahagian dari mahasiswa tersebut mengikuti kuliah di kampus Universiti Malaya Cawangan Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

Koleksi

Koleksi Arab yang berada di Perpustakaan Utama Universiti Malaya pada masa ini berjumlah sebanyak 6,000 buah jilid dan merangkumi berbagai aspek ilmu pengetahuan, walaupun sebahagian besarnya ialah

bahan-bahan yang ada hubungan dengan pengajian Islam, bahasa dan sastera Arab. Ini sesuai dengan matlamat penubuhan koleksi Arab, sebagaimana yang dinyatakan di atas, iaitu untuk membantu pengajaran dan pembelajaran di Jabatan Pengajian Islam dan Akademi Islam Universiti Malaya.

Bahan-bahan yang berkaitan dengan pengajian Islam dianggar berjumlah sebanyak 2580 buah jilid dan adalah seperti berikut:—

1. Koran dan ilmu-ilmunya	600 jilid
2. Hadith dan ilmu-ilmunya	650 jilid
3. Perundangan Islam	750 jilid
4. Akidah	180 jilid
5. Lain bidang (Islam)	400 jilid

Bahan-bahan mengenai bahasa dan sastera Arab pula dianggarkan berjumlah sebanyak 1800 buah jilid. Walau bagaimanapun dalam kelas PJ (Sastera Arab) terdapat banyak buku berkaitan dengan Islam dan cabang-cabang ilmu yang lain kerana buku-buku yang ditulis sebelum 1800 dikelaskan sebagai bahan-bahan kesusastraan dan bukan mengikut perkara sebenarnya. Bahan-bahan mengenai bidang-bidang lain dianggarkan berjumlah sebanyak 1620 buah jilid.

*Pegawai Perpustakaan, Bahagian Koleksi Kebangsaan, Perpustakaan Universiti Malaya.

Boleh dikatakan bahawa Perpustakaan memiliki semua bahan penting yang berkaitan dengan kursus-kursus yang ditawarkan di Akademi Islam Universiti Malaya. Misalnya dalam bidang tafsir, ia memiliki kesemua kitab-kitab yang dianggap paling berautoritatif seperti *Tafsir al-Khazin*, *Tafsir al-Maraghi*, *Tafsir al-Zamakhsari*, *Tafsir al-Kasshab*, *Tafsir al-Tabari*, *Tafsir Ibn Kathir*, *Tafsir Ruh al-Ma'ani* dan *Tafsir fi Zilal al-Quran* oleh Sayyid Qutb dan *al-Asas fi al-Tafsir* oleh Said Hawwa yang merupakan tafsir terbaru dalam sepuhul jilid, serta beberapa buah tafsir lain.

Dalam bidang Hadith, Perpustakaan memiliki kesemua sunan Sittah yang merupakan bahan terpenting dalam pengajian Hadith. Sunan-sunan itu ialah *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abi Daud*, *Sunan Al-Nasai*, *Sunan al-Tirmidhi* dan *Sunan Ibn Majah*. Selain dari itu ia juga memiliki *Sunan al-Bayhaqi*, *Muwatta'* oleh Imam Malik dan *Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul* oleh Ibn al-Athir, serta lain-lain karya penting.

Demikian juga Perpustakaan memiliki bahan-bahan penting dalam bidang perundangan Islam dalam empat-empat mazhab, seperti *Kitab Sharah Fath al-Qadir* oleh Ibn al-Himam dan *al-Mabsut* oleh al-Sharakhi, kedua-duanya dalam Mazhab Hanafi; *al-Um* oleh al-Imam al-Shafii dan *al-Anwar li-A'mal al-Abraar* oleh al-Ardabili, kedua-dua dalam Mazhab Shafii; *al-Mudawwanah al-Kubra* oleh al-Imam Malik dalam Mazhab Maliki dan *al-Mughni* oleh Ibn Qudamah dalam Mazhab Hanbali, dan lain-lain karya yang dihasilkan oleh para tokoh perundangan Islam yang terkenal seperti Ibn Hazm, Abu Yusuf, Ibn Taymiyah, al-Nawawi, al-Rafii dan sebagainya.

Dalam bidang teologi Islam, Perpustakaan memiliki kitab-kitab seperti *Kitab Sharh al-Usul al-Khamsah* oleh Abd al-Jabbar ibn Ahmad, *al-Ibanah fi Usul al-Diyah* oleh Abu al-Hasan al-Ash'ari, *'Aqidah al-mu'minin* oleh Abu Bakar al-Jazairi dan lain-lain kitab yan berkaitan dengan pengajian usuluddin. Sungguhpun begitu Perpustakaan masih lagi kekurangan bahan-bahan dalam bidang ini dan akan berusaha untuk memperolehinya kelak.

Di samping itu sebagai membantu pengajian bahasa dan sastera Arab di Akademi Islam, Perpustakaan juga memiliki bahan-bahan penting dalam bidang tersebut seperti *Diya' al-Salik ila Awdah al-Masalik* oleh Mohd al-Najjar, *Sharh Shudhu al-Dhahab fi Ma'rifat Kalam al-Arab* oleh Ibn Hisham, *Sharh al-Ashmuni 'ala' Alfiyat Ibn Malik* oleh al-Ashmuni, *Abniyat al-Sarf min Kitab Saybawih* oleh Khadijah al-Hadithi. Itu adalah antara kitab terpenting dalam Bahasa Arab. Dalam sastera pula Perpustakaan memiliki kitab-kitab seperti *al-'Aqd al-Farid* oleh Ibn 'Abd Rabbih, *al-Aghani* oleh al-Asbahani dan lain-lain karya yang di-

hasilkan oleh penulis-penulis lama dan baru baik dalam bidang puisi dan prosa dan juga penulisan yang berkaitan dengan sejarah kesusasteraan dan kritikan.

Perpustakaan juga tidak mengabaikan dari memperolehi bahan-bahan yang berkaitan dengan sejarah Islam, kerana ini adalah salah satu kursus yang diajar di Akademi Islam. Antara bahan-bahan penting yang dimiliki oleh Perpustakaan dalam bidang ini ialah *al-Kamil fi al-Tarikh* dan *al-Lubab fi Tahdhib al-Insan*, kedua-duanya oleh Ibn al-Athir, *Mawsu'ah al-Tarikh al-Islami* oleh Ahmad Shalabi, *Tabaqat al-Kubra* oleh Ibn Sa'ad dan lain-lain karya yang menjadi bahan rujukan penting dalam pengajian sejarah Islam.

Bahan rujukan seperti ensiklopedia, kamus dan indeks, merupakan bahan rujukan penting untuk pusat pengajian tinggi. Atas dasar inilah pihak Perpustakaan turut menyediakan bahan-bahan tersebut dalam bahasa Arab untuk kegunaan para pensyarah dan juga mahasiswa. Antaranya ialah *Lisan al-'Arab* oleh Ibn Manzur, *Kitab Muhit al-Muhit* oleh Butras al-Bustani. *al-Manar: Qamus Inklizi-'Arabi* oleh Hasan Said al-Karami dan lain-lain kamus baik bahasa Arab ke bahasa Arab, Arab-Inggeris, Inggeris-Arab, Arab-Perancis dan sebagainya.

Antara indeks yang dimiliki oleh Perpustakaan ialah *al-Mu'jam al-Mufahras li-Alfaz al-Hadith* yang disusun oleh para orientalis. Indeks ini disusun untuk mencari Hadith-Hadith yang terkandung di dalam sunan Sittah, Musnad al-Darimi, *Muwatta'* Imam Malik dan Sunan Ibn Majah. Perpustakaan juga memiliki *al-Mu'jam al-Alfaz al-Quran* oleh Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi sebagai indeks untuk mencari ayat-ayat suci al-Quran.

Ensiklopedia yang dimiliki oleh Perpustakaan bertajuk *Dairat al-Ma'rif al-Islamiyah* dalam 9 buah jilid.

Dalam bidang perubatan, Perpustakaan memiliki *al-Qanun fi al-Tibb* oleh Ibn Sina dan *al-Masail fi al-Tibb* oleh Hunayn ibn Ishaq. Kedua-duanya merupakan kitab perubatan penting pada masa silam dan dipercayai menjadi asas kepada perubatan moden.

Selain dari bidang-bidang yang disebutkan di atas, bahan-bahan mengenai politik, ekonomi, pendidikan, ilmu kemasyarakatan dan sebagainya juga terdapat dalam koleksi Arab di Perpustakaan.

Selain dari koleksi bahan-bahan bercetak Perpustakaan juga mempunyai sebuah koleksi kecil manuskrip-manuskrip Arab berkaitan dengan perundangan Islam, tasauf, aqidah, ilmu falak dan perubatan.

Antaranya ialah manuskrip *Ihya' Ulum al-Din* karya al-Imam al-Ghazzali, dalam 20 buah jilid, mungkin disalin oleh beberapa orang penyalin berlainan memandangkan bentuk tulisan yang berbeza, tetapi juzu yang ke empat puluh telah disalin oleh 'Abd

Allah ibn Muhammad ibn 'Abd Allah al-Farisi (Iran) pada tahun 1274H./1831M. Ini adalah sebuah karya tasauf.

Multaqa al-Abhur hasil karya asal Ibrahim ibn Muhammad ibn Ibrahim al-Halabi (wafat 956H./1549M.), dan sidalin pada 1444H./1731-2M. yang khusus mengenai perundang Islam; *Kitab al-Mukhtasar* oleh al-Qudri (wafat 428H./1037M.), disalin pada 1232H./1816M. juga adalah mengenai perundangan Islam.

Di dalam perbincangan kita mengenai bahan-bahan berbahasa Arab, kita tidak boleh mengenepikan satu koleksi manuskrip-manuskrip Melayu dalam huruf Jawi yang ada di Perpustakaan. Manuskrip-manuskrip tersebut menyentuh berbagai bidang seperti perundangan Islam, aqidah, tasauf dan sejarah. Di antaranya ialah *Ilmu Faraid*, mengenai perundangan; *Bidayat al-Hidayah* oleh al-Sanusi, mengenai aqidah; dan yang menarik sekali ialah sebuah manuskrip berjudul *Kitab Risalah Ibadah* yang teksnya dalam bahasa Arab dengan pengertiannya dalam bahasa Cina.

Tajuk-tajuk manuskrip lain dalam bahasa Arab dan Melayu serta bahan-bahan dalam bentuk mikrofilem dan mikrofis boleh didapati dalam *Katalog Koleksi Melayu Perpustakaan Universiti Malaya*, terbitan Perpustakaan Universiti Malaya, 1980.

Perolehan

Untuk memperolehi bahan-bahan dalam bahasa Arab Perpustakaan menggunakan dasar biasa iaitu melalui cara pembelian dan hadiah. Walau bagaimanapun pihak Perpustakaan berusaha membuatkan salinan foto bagi bahan-bahan yang tiada dalam pasaran buku tetapi diperlukan dengan segera. Sepanjang tahun pengajian 1986/1987, Perpustakaan telah membuatkan salinan foto sejumlah 80 buah judul dengan jumlah 160 buah jilid. Bahan-bahan ini didapati melalui sistem pinjaman antara perpustakaan dan juga dari pada kakitangan akademik di Akademi Islam Universiti Malaya. Selain dari itu, untuk menyediakan bahan yang diperlukan dengan segera, Perpustakaan cuba mendapatkannya dari Perpustakaan Akademi Islam di Nilam Puri di bawah sistem pinjaman jangka panjang. Sepanjang tahun pengajian di atas, Perpustakaan Akademi telah meminjamkan kepada Perpustakaan Utama Universiti Malaya lebih dari 30 buah judul. Dengan cara ini pihak Perpustakaan dapat menyelesaikan permintaan sebahagian besar bahan-bahan yang diperlukan segera.

Katalog

Selain dari katalog pengarang/judul dan perkara yang ditransliterasikan ke huruf Rumi dalam bentuk kad hingga akhir tahun 1981 dan dalam bentuk COM

(Computer Output Microfiche) mulai 1982, pihak Perpustakaan menambahkan satu lagi katalog judul dalam bahasa Arab (bahasa asal teks tersebut). Katalog ini dalam bentuk kad dan disusun mengikut urutan abjad Arab. Ia ditempatkan berhampiran dengan katalog Koleksi Tamil dan Koleksi Asia Timur di dewan katalog. Tujuan utama katalog ini diwujudkan ialah untuk membantu pengguna-pengguna yang tidak begitu mahir dengan kaedah transliterasi.

Contohnya adalah seperti berikut:

PJ8406 Abb	تاریخ ادب اندلسی	Abjad judul
ABBAS, Ihsan Tarikh al-adab al-Anadalusi.— al-Qahirah: Dar al-Thaqafah, 1962.		

PL205 Mis	تاریخ ادب الترکی	Abjad judul
al-MISRI, Husayn Müjib Tarikh al-adab al-Turki.— al-Qahirah: Matba'ah al-Fikrah, 1951.		

PJ7510 Far	تاریخ ادب العربی	Abjad judul
FARRUKH, Umar, 1906— Tarikh al-adab al-Arabi.— Beirut: Dar al-Ilm, 1965.		

Mulai 1987 senarai perolehan bahan-bahan berbahasa Arab dikeluarkan dua kali setahun dalam huruf Arab, walaupun maklumat mengenai bahan-bahan yang diperolehi boleh didapati dalam *Senarai Perolehan Baru* yang diterbitkan tiap-tiap bulan, tetapi dalam huruf Rumi.

Perkhidmatan Pembaca

Seorang pegawai yang bertugas di Bahagian Koleksi Kebangsaan, Perpustakaan Utama, boleh membantu para pengguna mencari bahan yang diperlukan dari koleksi khas Arab ini.